

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Isnin, 15 Mei 2023

DISEDIAKAN OLEH :
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	3

MyCC putus nasib 5 syarikat pengeluar makanan ayam

Oleh FAHMI FAIZ
fahmi.faiz@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kertas siasatan terhadap lima syarikat pengeluar makanan ayam yang terlibat dalam kegiatan kartel kerana melanggar Seksyen 4 Akta 712 melalui satu perjanjian anti persaingan tidak dibentang kepada Jabatan Peguam Negara (AGC).


Sebaliknya, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Iskandar Ismail memberitahu *Utusan Malaysia*, MyCC yang akan menyiasat dan membuat keputusan sama ada syarikat terbabit bersalah atau sebaliknya.

Katanya, MyCC merupakan badan separa kehakiman dan sebarang siasatan termasuk berhubung lima syarikat terbabit tidak akan melibatkan AGC.

"Kami akan mendengar representasi lisan daripada lima pihak (syarikat makanan ayam) antara hujung Mei hingga Julai. AGC tidak akan terlibat langsung dalam sebarang proses kes MyCC," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mengulas perkembangan siasatan, Iskandar berkata, semua syarikat terbabit telah menghantar representasi bertulis kepada MyCC.

"Semua sudah hantar. Se-



MYCC akan memulakan siasatan berkaitan makanan ternakan sebelum menyentuh sektor lain yang berkaitan dengan ekosistem pengeluaran ayam di negara ini.

lepas itu, kita akan mendengar secara lisan representasi mereka berasaskan kepada representasi bertulis itu," katanya.

Pada Ogos 2022, Iskandar berkata, MyCC telah mengeluarkan keputusan cadangan terhadap lima perusahaan pengisar makanan yang didapati melanggar Akta Persaingan 2010, hasil dapatan awal siasatan isu kenaikan harga ayam.

Menurutnya, MyCC pada awalnya mendapati perusahaan terbabit telah menaikkan kuantum harga makanan ayam

sepanjang tempoh 2020 sehingga pertengahan 2022.

Sementara itu, satu sumber kementerian yang dihubungi akhbar ini mendakwa, kerajaan sedang mempertimbangkan siasatan terhadap kartel-kartel lain dalam sektor pengeluaran ayam termasuk syarikat yang mengawal bekalan dan pasaran anak dan induk ayam.

Sumber berkata, bertitik tolak siasatan MyCC ke atas kartel makanan ayam akan mendorong lebih banyak siasatan terhadap ekosistem itu.

"Ini (kartel) adalah kes yang memerlukan cukup banyak pertimbangan. Malah, skop siasatan MyCC buat masa ini hanya menyentuh makanan dedak bagi ternakan ayam saja, belum sentuh lagi sektor lain dalam ekosistem pengeluaran ayam.

"Itu semua akan disiasat, tapi MYCC mulakan dengan siasatan makanan ayam," ujarnya.

Utusan Malaysia telah mengajukan persoalan siasatan MyCC ke atas kartel lain dalam sektor ternakan ayam dan sedang menunggu maklum balas.

Telur biasa ditukar label omega

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	10

Telur biasa ditukar label omega

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamula.com.my


PETALING JAYA: Ladang-ladang telur di seluruh negara didakwa menggunakan syarikat subsidiari untuk menipu label telur biasa yang ditukar dan diisytihar sebagai telur omega bagi mengelak kawalan harga dan mengaut keuntungan berlipat ganda.

Situasi itu sekali gus menyebabkan berlaku lambakan telur jenis tersebut di pasaran dan pada masa sama telur biasa gred A, B dan C berkurangan.

Perkara itu didedahkan sumber dalam industri yang berkata, kegiatan berkenaan dilakukan ladang telur berskala kecil dan sederhana yang kebanyakannya menghasilkan kurang daripada 500,000 biji telur sehari.

Katanya, kegiatan tersebut dibuat bertujuan mengelirukan pihak berkuasa yang membuat tinjauan dan pemantauan di ladang-ladang telur apabila mendapati telur di ladang adalah telur biasa tetapi apabila sampai ke pasaran ditukar label kepada telur omega.

Sumber berkata, ladang-ladang pengeluar melakukan pakatan sebegini untuk lari daripada kawalan harga telur yang ditetapkan kerajaan sekali gus



HELAH mengisytihar telur biasa sebagai telur omega didakwa menyebabkan berlaku lambakan telur jenis itu dan pada masa sama telur gred A, B serta C berkurangan.

mengaut keuntungan di atas kesempatan pengguna yang terpaksa berdepan harga sumber protein itu yang terlalu tinggi.

"Ladang-ladang pengeluar telur sekarang berpakat mengoptimumkan pengeluaran telur omega, cuma bezanya banyak atau sebaliknya.

"Ada satu cara macam mana ladang-ladang telur ini berpakat untuk mengeluarkan telur omega

dan lari daripada kawalan harga. Mereka wujudkan anak syarikat dan subsidiari ini digunakan untuk melancarkan jualan telur omega. Subsidiari ini menjadi pemborong mereka.

"Mereka jual telur biasa gred A, B, C dan D kepada subsidiari atau pemborong ini, kemudian pemborong membungkus semula telur gred biasa itu khususnya gred A menjadi telur omega. Ini

dilakukan untuk mengelirukan pihak berkuasa, kalau mereka turun ke ladang memanglah nampak telur biasa," kata sumber.

Mingguan Malaysia pada Disember tahun lalu melaporkan, isu penipuan label telur premium memburukkan lagi krisis kekurangan bekalan sumber protein itu dalam negara.

Sumber dalam industri memberitahu, tiada tindakan

diambil mana-mana pihak bagi menangani komplot yang menipu pengguna.

Katanya, isu pelabelan telur itu sudah berlaku sejak puluhan tahun apabila ada ladang telur, pemborong dan peruncit yang mendapati tiada pihak memantau label dan pengedaran telur, maka mereka mula meletakkan label premium pada telur keluaran masing-masing.

Kata sumber, komplot sewenang-wenangnya meletakkan label premium dan kaya omega pada produk telurnya, sedangkan tiada langsung mana-mana agensi kerajaan yang mengesahkannya.

Mengulas lanjut, sumber berkata, kegiatan tidak bermoral itu berleluasa kerana kegagalan kerajaan mewujudkan sebarang mekanisme kawalan telur omega, apabila telur jenis itu langsung tidak diakreditasi dan dipantau sama ada dari segi kuantiti atau kualiti.

"Masalah dalam pengeluaran telur omega ini, ia tak membantu mengawal harga telur di pasaran melalui lambakan telur omega, ia tak diakreditasi oleh mana-mana badan atau agensi. Sesuka hati sahaja pengeluar meletak label omega dan kaya nutrisi tanpa dipantau," katanya.

Singapore approves live chicken imports from Indonesian farm; first shipment arrives

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
CNA	Singapore	Online

Singapore approves live chicken imports from Indonesian farm; first shipment arrives

Singapore previously imported live chickens only from Malaysia.



The first shipment of live chickens from an Indonesian farm to Singapore arrived on May 13, 2023. (Photo: Singapore Food Agency)
14 May 2023 12:18PM(Updated: 15 May 2023 10:08AM)

SINGAPORE: Singapore has started importing live chickens from a farm in Indonesia, the Singapore Food Agency (SFA) announced on Sunday (May 14). In June last year, Singapore added Indonesia as a new source for the import of chilled, frozen and processed chicken. Singapore previously imported live chickens from only Malaysia.

ADVERTISEMENT

In a Facebook post on Sunday, SFA said that a farm in Indonesia that is free of avian influenza has been approved as a new source of live chickens for Singapore. The first consignment from Indonesia arrived by sea on Saturday morning. Senior Minister of State for Sustainability and the Environment Koh Poh Koon said: "With the approval of this new farm, Singaporean consumers and businesses will have more options for hicken, further strengthening the resilience of our chicken supply. "Even as we continue to diversify our import sources, we must be prepared for food supply disruptions from time to time." He urged people to be flexible with their food options and to chose alternatives such as frozen food or other protein options.

ADVERTISEMENT

SFA said it worked with the Animal and Veterinary Service (AVS), the Indonesian authorities and industry players to bring in the live chickens from the farm. "SFA and AVS are working closely with the industry to monitor and refine the logistic processes at various points of the supply chain to ensure food safety and animal health," said the agency. Live chickens, like other livestock, meat and egg items, can only be imported from sources accredited by SFA and AVS. "We ensure that sources have the required systems, processes and capabilities to supply chickens that are free from High Pathogenicity Avian Influenza and that meet food safety and animal health standards and requirements," said SFA.